



Kerjaya Prospek fail saman baharu ke atas Yong Tai

Oktober 13, 2024



Projek pembangunan bercampur hotel Courtyard by Marriott dan Apple Serviced Suites.

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd memfailkan saman baharu terhadap Yong Tai Bhd dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Boo Kuang Loon atas dakwaan gagal membayar jumlah kontrak tertunggak sebanyak RM105.14 juta berkaitan dengan projek pembinaan di Melaka.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Kerjaya Prospek menyatakan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (KP), telah menyerahkan writ saman dan penyataan tuntutan kepada Yong Tai dan Kuang Loon.

Yong Tai disaman di bawah jaminan korporat, manakala Kuang Loon disaman di bawah jaminan peribadinya untuk baki kontrak yang dipertikaikan, yang ditandatangani antara KP dan Apple 99 Development Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Yong Tai, pada 25 Februari 2020.

Menurut KP, Apple 99 gagal memenuhi kewajipan pembayarannya di bawah kontrak untuk pembinaan projek pembangunan bercampur di Melaka, yang merangkumi hotel Courtyard by Marriott dan Apple Serviced Suites.

Sebagai tindak balas, Yong Tai dalam satu makluman pada hari sama menyatakan bahawa syarikat itu memfailkan pembelaan dan tuntutan balas, dengan mendakwa bahawa KP gagal menyelesaikan kerja pembinaan seperti yang dipersetujui, menyebabkan kelewatan projek yang ketara.

Yong Tai mendakwa kelewatan ini memberi kesan kepada Courtyard by Marriott Melaka dan Apple Serviced Suites, menyebabkan kerugian kewangan sebanyak RM76.62 juta.

Yong Tai juga berhujah bahawa perjanjian tambahan yang ditandatangani pada April 2023 menggantikan perjanjian penyelesaian asal, yang membebaskan Apple 99 daripada kewajipan pembayaran lanjut kepada KP.

Syarikat itu sedang menuntut pampasan dan pengisytiharan mahkamah bahawa tuntutan KP tidak sah di bawah terma baharu itu.

Pada 22 Ogos lalu, anak syarikat Kerjaya Prospek telah memfailkan writ saman untuk menuntut bayaran tertunggak sebanyak RM105.14 juta daripada Apple 99.

Yong Tai kemudian menyatakan bahawa tuntutan itu adalah tidak berasas dan menyebut kegagalan mematuhi terma kontrak.

Selepas itu, anak syarikat Kerjaya Prospek mengeluarkan tuntutan kepada Yong Tai dan Kuang Loon untuk pembayaran terbabit yang perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari, berdasarkan jaminan korporat dan peribadi.

Pada 2016, Kerjaya Prospek telah menerima kontrak bernilai RM213.75 juta daripada Yong Tai untuk pembinaan kerja-kerja bangunan utama khususnya projek pembangunan bercampur dikenali sebagai The Apple.

Projek itu adalah usaha sama antara Yong Tai dan PTS Properties Sdn Bhd di Melaka.

la terdiri daripada bangunan hotel 16 tingkat dengan 284 bilik, dikenali sebagai Courtyard by Marriott, bangunan suite perkhidmatan 32 tingkat dengan 361 unit pangsapuri servis dan podium lapan tingkat tempat letak kereta.

Berita Harian 13 October 2024